

Penggunaan Kronemiks (MASA) dan Kepentingannya dalam Majlis Perkahwinan Melayu

Chronemics Usage and Its Importance in Malay Weddings Ceremony

Khairul Azam bin Bahari
khairul.azam@fbk.upsi.edu.my

Azhar bin Wahid
azhar@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Published: 26 Jun 2023

To cite this article (APA): Bahari, K. A., & Wahid, A. (2023). Penggunaan Kronemiks (MASA) dan Kepentingannya dalam Majlis Perkahwinan Melayu: Chronemics Usage and Its Importance in Malay Weddings Ceremony. *PENDETA*, 14(1), 114–129. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.9.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.9.2023>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membuat analisis tentang penggunaan kronemiks atau masa dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu di negeri Perak. Majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu merupakan satu acara yang menyatukan dua individu lelaki dan perempuan secara sah menurut hukum Islam. Di dalam majlis ini terkandung elemen utama, iaitu masa yang penting dalam menentukan perjalanan majlis berkenaan agar sempurna. Masa menjadi elemen yang penting kerana penentuan perjalanan dan kesempurnaan majlis perkahwinan adalah antaranya tertakluk kepada penetapan masa-masa yang ditetapkan berdasarkan keperluan adat. Dengan mengambil pendekatan kualitatif dan reka bentuk etnografi, penyelidik mengambil masa selama empat bulan dengan berada bersama-sama dalam sepuluh buah majlis perkahwinan. Dilengkapi dengan catatan lapangan, kamera video, kamera DSLR, temu bual dengan tetamu, tuan rumah dan 15 orang informan terpilih yang memiliki pengalaman dalam menguruskan majlis perkahwinan, penyelidik melengkapkan analisis terhadap penggunaan masa dalam majlis perkahwinan Melayu ini. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan masa adalah elemen penting yang menentukan persiapan dan perjalanan majlis serta keterbukaan masyarakat terhadap faktor masa dalam mementingkan hubungan. Implikasi daripada kajian ini ialah masyarakat Melayu merupakan sebuah masyarakat yang mengambil kira pelbagai faktor untuk menentukan sesebuah acara perkahwinan berlangsung dengan baik dan dalam masa yang sama masih dapat memelihara keharmonian masyarakat dengan tolak ansur yang tinggi.

Kata kunci: *kronemiks; majlis perkahwinan Melayu; komunikasi bukan lisan; adat perkahwinan*

ABSTRACT

This study aims to observe the use of chronemics or time in Malay wedding ceremonies in the state of Perak. Generally, it is known that Malay wedding ceremonies unite two individuals, a man, and a woman, in a legally recognized manner according to Islamic law. Time is an important element in determining the course and perfection of a wedding ceremony, as it is subject to the scheduling of specific times based on customary requirements. Using a qualitative approach and ethnographic design, the researcher spent four months attending ten wedding ceremonies, taking field notes, using video cameras and DSLR cameras, conducting interviews with guests, hosts, and 15 selected informants who have experience in managing wedding ceremonies, to complete the analysis of the use of time in Malay wedding ceremonies. The study's findings indicate that the use of time is a crucial element in preparing for and conducting the ceremony and that Malay society is open to the importance of time in prioritizing relationships. The implication of this study is that Malay society considers various factors to ensure that a wedding ceremony proceeds smoothly while maintaining a high level of tolerance and harmony.

Keywords: *chronemics; Malay wedding ceremony; nonverbal communication, wedding customs*

PENDAHULUAN

Seseorang itu tidak dapat mengelak daripada tidak berkomunikasi (Watzlawick *et al.*, 1967 dalam Hess, 2016) dan semua tingkah laku pada kebanyakan keadaan adalah suatu bentuk ekspresi, maka kesemua tingkah laku yang tidak mengeluarkan perkataan boleh diertikan sebagai komunikasi bukan lisan (Wiener *et al.*, 1972 dalam Hess, 2016). Hall (1990), menyatakan bahawa budaya adalah tentang komunikasi. Peacock (2001), juga berkongsi pandangan tersebut dengan menyatakan bahawa ‘*Culture is shared meaning*’ yang bermaksud budaya merupakan perkongsian makna.

Dalam budaya Melayu sebagai contoh, komunikasi bukan lisan dapat dikesan sewaktu anak atau remaja melintasi di hadapan orang yang lebih tua. Remaja tersebut akan menundukkan sedikit badannya dengan tujuan menghormati orang yang lebih tua. Meskipun adat dan budaya masih diamalkan dalam dunia globalisasi masa kini namun, wujud kerisauan dalam kalangan pemikir budaya apabila melihat fenomena yang sedang melanda negara terutama sekali apabila melihat kemasukan elemen-elemen budaya asing ke dalam negara yang semakin menjadikan rakyat di negara ini, terutama sekali masyarakat Melayu semakin terdedah, berubah dan terikut-ikut dengan penampilan diri yang lebih kebaratan. Malah, majlis perkahwinan juga sudah dimasuki elemen-elemen Barat seperti majlis perkahwinan yang bertemakan Barat, iaitu mengandungi unsur-unsur kebaratan yang jelas. Tidak dinafikan bahawa adalah menjadi hak mereka yang berkahwin untuk meraikan hari bahagia mereka mengikut cita rasa mereka yang tersendiri, namun dikhuatiri budaya Melayu akan menjadi semakin mengecil dihimpit oleh budaya Barat yang lebih dominan terutama sekali dalam dunia moden ini. Hal ini selari dengan pandangan Hun (2015), yang menyatakan bahawa dalam budaya suatu bangsa, terjadi pinjam-meminjam unsur budaya antara satu dengan budaya yang lain. Situasi ini tidak dapat dielakkan ketika berlakunya pertemuan antara berbagai budaya. Abdullah (2015), meyakini bahawa interaksi masyarakat pengamal budaya yang berbeza-beza akan saling mempengaruhi antara satu sama lain dan dalam satu jangka waktu yang panjang, pengaruh asing itu akan meresap dalam amalan masyarakat yang dipengaruhinya.

Kajian komunikasi bukan lisan berkaitan dengan aspek sosiobudaya masyarakat Melayu belum dijelajahi sepenuhnya. Kebanyakan kajian yang dilakukan adalah ringkas dan berpusat pada pandangan penyelidik yang hanya memberi tumpuan terhadap amalan atau golongan tertentu. Ciri-ciri komunikasi bukan lisan telah menjadi subjek kajian oleh Norhuda Salleh (2017), Abdul Muati Amad, Arbai'e Sujud, dan Hamisah Zaharah Hasan (2007), serta Abdul Rahman Ahmad Hanafiah (2003a, 2003b). Kajian Abdul Rahman Ahmad Hanafiah (2003b), memberi tumpuan terhadap komponen komunikasi bukan lisan dan menekankan penggunaan simbol dan ritual dalam upacara perkahwinan. Kajian beliau dengan jelas menunjukkan cara ritual dan simbol dalam mematuhi norma perkahwinan. Walau bagaimanapun, beliau tidak membincangkan komponen komunikasi bukan lisan yang boleh dilihat semasa tradisi perkahwinan, seperti kronemiks atau penggunaan masa. Di sisi lain, Norhuda Salleh (2017), juga mengkaji ritual dan simbol dalam tradisi perkahwinan Melayu namun tidak menyentuh atau membincangkan sebarang isu berkaitan kronemiks dalam konteks ritual perkahwinan Melayu. Abdul Muati Amad *et al.* (2007), pula melihat aspek proksemiks dalam seni bina Melayu. Kajian Abdul Muati Ahmad *et al.* (2007), dapat mengendalikan aspek proksemiks, tetapi hanya tertumpu pada bentuk dan seni bina Melayu. Oleh itu, terdapat kekosongan pengetahuan tentang komunikasi bukan lisan dalam budaya Melayu, terutamanya dalam konteks tradisi perkahwinan Melayu yang kaya dengan adat dan ritual, serta melibatkan kod komunikasi bukan lisan, iaitu kronemiks.

Sehubungan itu, adalah wajar satu kajian dijalankan untuk melihat komunikasi bukan lisan khususnya kronemiks dalam adat majlis perkahwinan Melayu yang mungkin sudah tidak seiring dengan adat dan adab dalam budaya masyarakat Melayu masa kini.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis penggunaan kronemiks dalam majlis perkahwinan Melayu dan faktor yang mempengaruhinya. Bagi mencapai objektif ini, perhatian pengkaji menjurus kepada salah satu permasalahan yang perlu diberikan perhatian, iaitu peranan masa atau kronemiks dalam masyarakat Melayu. Menurut satu kajian yang dilakukan oleh Aida Hafitah Mohd Tahir dan

Maimunah Ismail (2007), salah satu kesulitan utama yang dihadapi oleh profesional asing atau ekspatriat ketika berinteraksi dengan masyarakat Malaysia adalah sikap terhadap masa. Orang Malaysia cenderung mengambil pendekatan yang lebih santai dan menekankan produktiviti berbanding ketepatan waktu dan pengurusan masa. Perkara ini mungkin mencabar bagi pekerja asing untuk melaksanakan tugas mereka sebagai pengurus dalam sebuah organisasi. Selain itu, individu akan mengalami kelewatan ketika berurusan dengan agensi kerajaan seperti pihak imigresen untuk menyelesaikan masalah permit kerja, visa, dan perkara lain disebabkan oleh sikap pegawai yang mengikuti peraturan masanya sendiri untuk menyelesaikan setiap tugas. Terdapat perbezaan yang jelas tentang persepsi masa antara orang Malaysia dengan orang asing seperti yang dijelaskan oleh Asma (1996, dipetik dalam Aida Hafitah Mohd Tahir & Maimunah Ismail, 2007:88), "*there is an obvious difference in perception of time by Malaysians and expatriates. The former tends to do their work at their own time and more relaxed. Malaysia is regarded as a polychronic society where they perceive time as less tangible and thus, several things can happen at one time*". Berdasarkan petikan tersebut, adalah penting untuk melihat masalah ini dari sudut yang dapat menjelaskan fungsi masa atau kronemiks dalam masyarakat Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Kronemiks dalam Budaya di Dunia

Kronemiks merupakan salah satu daripada beberapa subkategori dalam bidang komunikasi bukan lisan (Hickson & Stacks, 1993; Jayarathna, 2019; Qing, 2021; Kalman, Ballard & Aguilar, 2021), yang mengkaji peranan masa dalam komunikasi. Kronemiks seperti yang didefinisikan oleh Hall dan Knapp (1992), boleh dianggap sebagai suatu pemerhatian terhadap cara seseorang atau sesebuah budaya menggunakan masa dalam budaya mereka. Ini dapat dilihat dengan cara mereka menilai masa, menstrukturkan masa dalam aktiviti yang dilakukan dan bertindak atau memberi respons terhadap masa dalam suatu komunikasi. Persepsi terhadap penggunaan masa memainkan peranan yang penting dalam komunikasi bukan lisan. Persepsi terhadap masa meliputi ketepatan masa, kesediaan untuk menunggu, menafsir dan menjadi penentu kepada tingkah laku manusia selain digunakan untuk berinteraksi (Richmond & McCroskey, 2004). Penggunaan masa boleh mempengaruhi corak gaya hidup, rutin harian, tempoh bertutur, pergerakan dan tempoh masa seseorang itu bersedia untuk mendengar. Masa juga menjadi indikator kepada status. Sebagai contoh, seorang ketua dalam sesebuah organisasi boleh memulakan mesyuarat atau menangguhan mesyuarat pada bila-bila masa yang dikehendakinya. Manakala pekerja bawahan pula perlu patuh terhadap masa ketuanya sekiranya mereka ingin mengadakan pertemuan dan perlu menyediakan janji temu terlebih dahulu sebelum boleh bertemu.

Menurut Lunenburg (2010), kronemiks adalah berkaitan dengan penggunaan masa seperti awal atau lewat, menunggu seseorang, dan hubungan masa dengan status. Di sesetengah negara seperti Amerika dan United Kingdom, masa dilihat sebagai suatu yang sangat penting. Masyarakat di negara-negara tersebut sangat mementingkan penjadualan dan dari segi komunikasi mereka amat tertakluk kepada persepsi terhadap masa (Richmond & McCroskey, 2004). Beberapa sarjana seperti Bloomfield dan Felder (1985) dan Brophy (1985) bersetuju bahawa masa merupakan sebahagian daripada komunikasi lisan dan bukan lisan. Justeru, masa mengawal dan menjadi peraturan terhadap kehidupan kita dalam menentukan perkara-perkara yang akan dilakukan (Richmond & McCroskey, 2004).

Setiap budaya di dunia melihat masa secara berbeza. Dalam situasi komunikasi silang budaya, pelbagai salah faham boleh berlaku akibat daripada persepsi terhadap masa yang berbeza. Menurut Hall (1966), masa dalam sesebuah budaya dilihat secara berbeza. Lebedko (2003), menerangkan bahawa masyarakat Amerika mempunyai tiga belas pepatah yang mengaitkan masa dengan wang seperti *time has a wallet, an inch of time is an inch of gold, don't waste five-dollar time on a five-cent job* (direkodkan di Missouri), *time is capital: invest it wisely* (direkodkan di California), *seconds are the gold dust of time* (Mieder, Kingsbury & Harder, 1992); *time is a limited resource, time is a valuable commodity* (Lakoff & Johnson, 1980). Berdasarkan kepada pepatah-pepatah tersebut, Lebedko menekankan bahawa masyarakat di Amerika meletakkan masa sebagai suatu yang utama berbanding dengan masyarakat di Russia yang meletakkan manusia sebagai keutamaan. Husna Faredza Mohamed

Redzwan (2002), menyatakan bahawa masyarakat Melayu turut mengambil kira faktor alam dalam membuat penentuan masa sebelum melakukan sesuatu. Beliau menjelaskan bahawa alam digunakan sebagai mekanisme mengukur dan mempersepsi masa. Memandangkan terdapatnya kelompongan kajian kronemiks dalam budaya Melayu, pengkaji ingin meneroka penggunaan masa atau kronemiks cara mengguna, menstruktur, mentafsir dan bertindak balas dengan masa dalam kehidupan khususnya dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu.

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Othman Lebar (2014), Patton (2002) dan Hitchcock dan Hughes (1989), menerangkan penyelidikan kualitatif sebagai satu pendekatan yang membolehkan penyelidik mempelajari secara langsung dunia sosial yang sedang diselidiki secara mendalam terhadap tingkah laku individu. Kaedah yang diambil oleh penyelidik ialah penyertaan-pemerhatian (*participant-observation*). Dengan menggunakan kaedah tersebut, penyelidik dapat memperoleh data yang diingini semasa penyelidikan lapangan dijalankan seperti yang disarankan oleh Parke & Griffiths (2008). Kajian ini terdiri daripada lima fasa utama, iaitu dalam fasa pertama, lokasi majlis perkahwinan dikenal pasti melalui hubungan dengan kenalan dan jiran. Dalam fasa ini, penyelidik telah berhubung terus dengan pihak tuan rumah bagi menjelaskan hasrat untuk menjalankan kajian. Daripada 17 lokasi perkahwinan yang dikenal pasti dan dihubungi, hanya sepuluh tuan rumah yang memberikan keizinan untuk kajian ini dijalankan. Tempoh kajian ini berlangsung sekitar empat bulan, bermula November 2016 sehingga Februari 2017. Dalam fasa kedua pula, penyelidik membuat persiapan kelengkapan untuk merakam perjalanan majlis perkahwinan seperti membawa kamera DSLR, kamera video dan tripod, buku nota dan pen untuk catatan lapangan. Semasa berada di lokasi, penyelidik membuat rakaman dengan cara meletakkan kamera video di atas tripod seperti yang disarankan oleh Uhrenfeldt, Paterson dan Hall (2007). Penyelidik pula bertindak sebagai jurugambar yang mengambil pelbagai imej yang berkaitan dengan kajian ini. Fasa ketiga pula merupakan fasa yang dijalankan bagi memproses kesemua data yang telah diperoleh. Data dan rakaman yang diperoleh dikod dan dianotasikan.

Dalam fasa keempat, penyelidik memilih informan menggunakan persampelan bertujuan seramai 15 orang informan bagi tujuan membantu memberikan lebih banyak maklumat berkaitan majlis perkahwinan berdasarkan pengalaman mereka. Mereka ditemu bual berkaitan pengalaman dan pengetahuan mereka tentang aspek kronemiks yang dijadikan fokus dalam kajian ini. Kesemua maklumat daripada mereka juga melalui proses ‘*coding*’ dan anotasi. Pada fasa yang terakhir, iaitu fasa kelima, penyelidik menemu bual dua orang jurugambar perkahwinan dan dua orang perancang perkahwinan bagi mendapatkan maklumat yang sama. Mereka dipilih kerana memiliki kearifan lokal tentang majlis perkahwinan masyarakat Melayu dan terlibat hampir setiap minggu dengan majlis-majlis perkahwinan yang dilangsungkan. Maklumat daripada temu bual ini juga melalui proses ‘*coding*’ dan anotasi.

Penyelidik menggunakan kajian etnografi yang menekankan kepada satu kaedah yang disebut oleh Hammersley dan Atkinson (1989), sebagai “*portrait of people*”. Kajian etnografi juga merupakan salah satu kaedah untuk mengkaji budaya dan manusia secara analitikal (Pink, 2004; Angrosino, 2007:14). Penyelidikan ini memfokuskan kepada tingkah laku mereka (Pink, 2004; Angrosino, 2007:14), iaitu merujuk kepada cara masyarakat Melayu bertingkah laku dengan menggunakan kod komunikasi bukan lisan kronemiks dalam sebuah majlis perkahwinan. Kajian etnografi memerlukan penyelidikan lapangan yang ekstensif yang perlu dilaksanakan oleh penyelidik. Teknik-teknik yang digunakan dalam penyelidikan adalah meliputi sesi temu bual secara formal dan tidak formal yang melibatkan 15 informan daripada komuniti, dua jurugambar perkahwinan dan dua perancang perkahwinan. Selain itu, kajian etnografi yang dijalankan ini berlaku dalam suasana yang berbeza-beza dan melibatkan pendekatan penglibatan-pemerhatian (Paul ten Have, 2004:6-7). Oleh sebab itu, pendekatan etnografi memerlukan masa yang lama dan memerlukan penyelidik berada lama di lapangan (Paul ten Have, 2004:119). Untuk kajian ini, penyelidik mengambil masa sekitar empat bulan untuk mengumpulkan data.

Selain itu, penyelidikan ini juga melibatkan “*triangulated inquiry*”, iaitu penyelidik mengumpulkan data dengan menggunakan pelbagai teknik termasuk penglibatan-pemerhatian

(*participant-observation*), nota lapangan, rakaman audio dan video, temu bual dan teknik-teknik lain daripada sumber yang berbeza (Diesing, 1971; Sevigny, 1981) dan untuk mengesahkan data, penyelidik menggunakan khidmat ahli dalam komuniti itu sendiri (Corsaro, 1982; Davis, 1995 dlm Hammersley & Atkinson, 2007; Lincoln & Guba, 1985 dlm Potter, 2009; Goldman-Segall, 1993, 1995, 1996; Tobin, Wu. & Davidson, 1989 dlm Davies, 2008:147). Akhir sekali, proses analisis data bermula sebaik sahaja proses pengumpulan data bermula dan proses ini berlangsung secara berterusan. Hasil dapatan awal membantu penyelidik membina penyelidikan ini dengan lebih tersusun dan meneroka aspek yang perlu diberikan penekanan dan membaiki aspek kaedah yang digunakan (Fetterman, 1998 dipetik dalam DuFon, 2002:42).

Kajian ini dijalankan di kawasan sekitar daerah Kinta, Perak. Daerah Kinta dipilih atas sebab mempunyai jumlah kepadatan penduduk yang paling tinggi berdasarkan maklumat daripada *My Local Stats Kinta 2020* yang tentunya dapat memberikan maklumat tentang data dan statistik bagi daerah Kinta. Penyelidik telah hadir ke sepuluh majlis perkahwinan di luar bandar dan di kawasan perbandaran (hotel) untuk membuat pemerhatian terhadap aspek komunikasi bukan lisan yang wujud dalam persekitaran semasa proses sambutan majlis perkahwinan berlangsung. Akses penyelidik ke kawasan-kawasan ini adalah lebih mudah khususnya apabila wujud risiko permohonan penyelidik untuk menjalankan kajian di majlis-majlis perkahwinan ditolak oleh pihak tuan rumah. Bagi meminimumkan risiko berkenaan dan mengambil kira faktor logistik, kawasan perkampungan di persekitaran bandar raya Ipoh dipilih. Tambahan pula, penyelidik memerlukan akses untuk berada di persekitaran kawasan rumah termasuk masuk ke dalam kawasan rumah yang bersifat privasi. Memahami faktor tersebut dan mengambil kira kedudukan penyelidik sebagai seorang yang asing, penyelidik memutuskan untuk mengehadkan pengumpulan data hanya kepada sepuluh majlis perkahwinan. Dari segi jumlah, Othman Lebar (2014), Merriam (2001) dan Lincoln dan Guba (1985: 350) mencadangkan faktor-faktor seperti sumber yang diperoleh sudah banyak dan mengalami ketepuan (tiada kategori lagi boleh dibentuk), kemunculan situasi yang sama berulang kali dan kemunculan data yang tidak berkenaan, maka penyelidik memutuskan untuk mengekalkan sepuluh buah majlis perkahwinan di kampung dan di bandar (hotel).

Bagi mendapatkan maklumat bagi kajian ini, penyelidik menjalankan temu bual dengan lima belas individu yang pernah menguruskan perkahwinan dan menjadi tetamu dalam mana-mana majlis perkahwinan. Mereka terdiri daripada individu yang berumur 50 tahun ke atas dan berpengalaman menguruskan sekurang-kurangnya sekali perkahwinan ahli keluarga dan telah hadir ke majlis perkahwinan lebih 15 kali sepanjang hidup mereka. Selain itu dua orang perancang perkahwinan turut ditemu bual. Mereka terdiri daripada individu yang mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman dalam merancang dan menguruskan perkahwinan dan dua orang jurugambar perkahwinan yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun menjadi jurugambar dalam majlis-majlis perkahwinan. Mereka ini telah membantu penyelidik mengesahkan setiap peristiwa yang dirakamkan adalah bertepatan dengan aspek yang menjadi fokus dalam penyelidikan ini. Bagi menjalankan penyelidikan ini, pendekatan temu bual separa berstruktur digunakan supaya informan dapat menjelaskan pemikiran mereka secara bebas berdasarkan lapangan pengalaman informan yang luas dengan menggunakan bahasa mereka sendiri (Taylor & Bogdan, 1984:77; R. Burns, 2015:481; Angrosino, 2007:44). Untuk kajian ini, data dianalisis dengan kaedah mengekod temu bual yang dijalankan berdasarkan tema yang dijadikan kajian. Semua rakaman imej dan video dikumpul di dalam komputer dan disusun serta diberikan kod (label) mengikut kategori yang telah ditetapkan, iaitu kod-kod komunikasi bukan lisan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam majlis perkahwinan Melayu, aturan masa ditetapkan berdasarkan pada kepentingan pelbagai pihak namun atur cara yang disusun juga perlu menepati kehendak budaya Melayu itu sendiri. Sepanjang sesi pemerhatian dan pencerapan yang penyelidik lakukan, masa merupakan elemen yang sangat penting dalam menentukan bila dan apa yang akan dilakukan sepanjang menguruskan sesebuah majlis perkahwinan. Penggunaan masa atau kronemiks diteliti khususnya semasa membuat persiapan, menentukan tarikh dan atur cara majlis serta faktor yang mempengaruhinya

Penggunaan Kronemiks dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu Persiapan Majlis

Majlis perkahwinan masyarakat Melayu kebiasaannya dibuat secara besar-besaran dengan jumlah jemputan yang ramai. Hal ini dapat dilihat semasa penyelidik menghadiri majlis-majlis berkenaan dan menyaksikan jumlah jemputan yang datang bermula dari jam 11.30 pagi hingga ke lewat petang adalah sekitar 500 hingga 800 orang seperti jumlah yang dijemput oleh pihak tuan rumah. Hal ini kerana perkahwinan merupakan suatu majlis yang menyatukan dua insan dan hanya berlaku sekali sahaja dalam kehidupan bagi kebanyakan pasangan. Oleh yang demikian, pengantin dan ahli keluarga bersungguh-sungguh membuat persediaan yang sebaik mungkin bagi memastikan majlis berjalan dengan lancar dan meriah. Dalam temu bual yang dijalankan bersama dua orang jurugambar perkahwinan yang berpengalaman, mereka menjelaskan tentang persiapan majlis perkahwinan itu bermula seawal jam 7.30 pagi.

JG1(Kr1)1 “Biasanya majlis bermula awal pagi, persiapan untuk menyambut tetamu dah mula dijalankan lah. Jiran atau saudara mara tu dalam pukul lapan pagi dah mula datang tolong siapkan barang-barang untuk dimasak. Dalam pukul 10.30 pagi tu, semua dah atas dapur lah kiranya. 11.30 pagi, tetamu dah mula sampai. Kalau dulu, kerja rewang ni termasuklah menghidangkan makanan kepada tetamu, takda *buffet*, tapi sekarang ni dah senang, semua makanan disediakan dalam buffet set, lepas tu tetamu cedok sendiri lah. Mula dari situlah kerja saya bermula. Pagi tu saya *standby* dulu, ambil sikit gambar-gambar orang memasak dan bersiap. Tapi lepas tu saya dah fokus kepada tetamu yang datang dan tunggu pengantin tiba. Bila pengantin sampai jer, biasanya dalam 12.30 atau pukul satu, saya dah siap menunggu dengan kamera dan rakam gambar-gambar berarak semua tu. Lepas tu masuk dalam rumah, atau pengantin diarak ke pelamin. Masa bersanding tu peranan saya jugalah untuk pastikan gambar yang saya ambil semuanya ok. Habis bersanding semua, saya ikut pengantin ke meja makan beradab. Kat situ saya ambil gambar lagi. Jadi itulah rutin kerja saya tiap kali saya hadir. Itu jugalah yang saya akan nampak perjalannya. Tetamu pulak datang sampai petang lah.”

JG2(Kr1)1 “Untuk majlis di kampung ni, memang mula awal lah, semua dah datang untuk bantu memasak dan lain-lain tu dalam pukul 7.30 atau lapan pagi. Selepas tu, biasanya ada minum pagi dulu, tuan rumah dah beli nasi lemak atau roti canai. Lepas tu mulalah masak, dalam pukul 11 pagi macam tu, semua dah hampir siap dan mula untuk hidang. Sekarang ni banyak yang pakai *buffet style* jer. Saya punya peranan ambil lah sikit gambar-gambar persiapan. Sambal tu tunggu pengantin tiba dalam tengah hari, ada yang sampai pukul 1230, ada juga dua petang lepas zohor, itu ikut *arrangement* pengantinlah, saya ikut saja. Bila pengantin sampai tu, saya ikut pengantin lah ke mana saja mereka pergi. Biasanya terus ke pelamin. Jadi diorang *posing* kat situ, ada merenjis, bagi bunga telur kepada orang yang merenjis. Lepas tu pengantin dibawalah ke meja makan beradab. Dalam pukul 2.30 atau 3 petang tu biasanya habislah acara. Pengantin layan tetamu la pulak, bergambar dengan tetamu, dengan kawan-kawan. So, saya pun akan ambil gambar la jugak ikut *request*.”

Mereka turut menjelaskan perbezaan yang berlaku dalam majlis yang berlaku di hotel.

JG1(Kr1)1 “Di bandar atau hotel lain sikitlah, sebab saya kena datang awal untuk ambil gambar pengantin *make-up*, bersiap kat bilik hotel. Biasa *event* malam, jadi dalam hotel ni sejuk la sikit, tak macam kat kampung panas hahaha...jadi dalam pukul lapan malam, majlis *start* dan mula dengan kehadiran tetamu jemputan, kalau ada tetamu kehormat pun nanti juru acara akan *announce* lah. Selepas tu masuklah pengantin, ada selawat, ada juga yang pasang lagu romantik. Pengantin tadi bersanding atas pelamin, dan mula dengan upacara

ucapan aluan, mak ayah pengantin, dan tepung tawar. Selepas tu barulah makan. Kadang-kadang ada artis jemputan menyanyi.”

- JG2(Kr1)1 “Untuk di hotel ni, acara mula malam, tapi persiapan pengantin untuk make-up dah mula pukul 3 petang. Kat situ saya ambil gambar pengantin bersiap. Malam, saya dengan *team prepare* untuk ambil gambar *eventlah*. Biasanya mula dalam pukul 7.45 malam lepas maghrib. Acara dia tersusun la sikit, sebab biasanya ada *wedding planner* kan. Tetamu masuk, lepas tu acara pun mula dengan perarakian masuk pengantin dan bersanding. Biasanya ada ucapan, dan ada acara menepung tawar. Selepas selesai tu, pengantin turun untuk makan. Habis tu ada acara potong kek. Eyh, selalunya sebelum turun makan, ada acara potong kek. Majlis selesai dalam pukul 11 malam.”

Penentuan Tarikh dan Atur Cara Majlis

Selain persiapan tentang masa, persiapan untuk menyambut kehadiran tetamu daripada kalangan ahli keluarga yang besar adalah sesuatu yang sudah dijangkakan. Sahabat-handai sama ada dekat atau jauh turut dijemput untuk menghadiri majlis tersebut. Selain itu, sebuah majlis perkahwinan itu turut menerima tetamu daripada sebelah keluarga pasangan pengantin, contohnya ahli keluarga dan saudara mara pengantin lelaki. Bagi memastikan tetamu jemputan dapat hadir ke majlis tersebut, suatu tarikh yang sesuai dipilih bagi melangsungkan majlis berkenaan. Kebiasaannya dalam kad jemputan kepada tetamu, sudah dinyatakan semua maklumat termasuk tarikh, masa dan alamat majlis diadakan. Temu bual bersama informan seperti di bawah ini menjelaskan keadaan tersebut.

- R1(Kr2)1 “Tarikh biasanya kita dah maklum dalam kad jemputan dan kita panggil orang mulai jam 11.00 pagi sampai pukul sampai pukul 3 atau 4 petang. Cuma kadang-kadang jam 10.30 pun dah ada yang datang, jiran-jiran, orang kampunglah.”
- R3(Kr2)3 “Sama je dengan tempat lain rasanya, jemputan datang pukul 11.30 atau 12. Tarikh boleh tengok dalam kad lah”.
- R4(Kr2)4 “Diorang datang mulai pukul 11.30, yang penting semua dah sedia untuk sambut orang datang. Dari segi tarikh memang semua dah maklum awal.”
- R7(Kr2)7 “Kita biasanya terbuka, hari kenduri memang kena jangka tetamu datang ada yang awal, ada jugak la yang lambat, jadi kena sedia. Mak ayah pengantin pun kena sedia kat bawah khemah sebab nanti orang datang nak kena jumpa tuan rumah la dulu.”
- R11(Kr2)11 “Tuan rumah biasa hantar kad, dalam kad ada tulis pukul berapa hingga berapa. Biasanya pagi tu dalam pukul 11 atau 1130 dah boleh pegi dah. Kalau sekampung biasanya jemput mulut je, sekarang pulak ada yang pakai *whatsapp*, tak pun telefon jemput datang kalau jauh.”
- R12(Kr2)12 “Memang pukul 11.30 tu dah boleh dah pergi, orang tak ramai lagi, senang sikit, tambah pulak kalau jiran hehehe.”
- R14(Kr2)14 “Dalam kad memang ada tulis tarikh dan waktu majlis mulai 1130 pagi hingga 4 petang, jadi kita pergi dalam masa tu la, kalau sempat boleh jumpa pengantin.”

Bagi kebanyakan majlis perkahwinan Melayu di negara ini, majlis biasanya diadakan pada waktu cuti sekolah yang panjang. Cuti sekolah yang panjang akan memudahkan tetamu jemputan dan saudara mara merancang perjalanan mereka terutama ke lokasi-lokasi majlis yang berjarak jauh. Tetamu yang hadir lewat akan memohon maaf atas kelewatan mereka menghadiri majlis. Tetamu yang lewat tetap diraikan dengan adab sopan. Ini menunjukkan bahawa hubungan antara sesama manusia tetap menjadi keutamaan. Pernyataan ini sesuai dengan pandangan Mohd Shukor, R., Mohd Rusli, N. F., & Nallaluthan, K. (2021), yang menekankan faktor kerendahan hati masyarakat Melayu sebagai tanda santun.

Faktor Penentuan Atur Cara Majlis Faktor Waktu Solat

Majlis perkahwinan yang dirancang turut mengambil kira faktor masa, terutama sekali waktu solat yang memberikan kesan segera dalam menentukan sesuatu keputusan berkaitan atur cara perkahwinan. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan dan temu bual yang diadakan, kebiasaannya, sebelum mereka menentukan apa-apa tindakan, perkara utama yang akan sering ditekankan adalah waktu solat. Sebagai contoh, pada malam sehari sebelum kenduri majlis perkahwinan diadakan, pihak keluarga pengantin mengadakan kenduri doa selamat dengan menjemput Imam dan kariah surau untuk menghadiri majlis berkenaan. Majlis tersebut diadakan selepas solat Isyak. Pihak yang mengadakan majlis akan menjemput kariah surau atau masjid dan tetamu-tetamu lain hadir ke rumah mereka dengan menggunakan waktu tidak formal, iaitu ‘selepas Isyak’. Ini bererti para jemputan diminta untuk hadir selepas menuaikan solat Isyak atau boleh hadir selepas melihat kariah surau atau masjid selesai menuaikan solat Isyak. Ini memberikan peluang kepada masyarakat Muslim menuaikan solat pada waktunya. Penentuan waktu solat Isyak ini disediakan oleh pihak majlis agama Islam negara ini menurut perkiraan yang telah ditentukan secara falaq. Hal ini kerana, waktu solat tidak tetap dan bergantung kepada kiraan yang dilakukan oleh ahli falaq. Pertimbangan utama yang diberikan adalah untuk memastikan persediaan jamuan dan majlis dapat berjalan dengan lancar. Hal ini kerana, jurang masa antara waktu Maghrib dan Isyak adalah pendek, iaitu sekitar satu jam. Oleh yang demikian, sekiranya jemputan ke majlis tersebut dibuat selepas waktu Maghrib, persediaan akan terpaksa dibuat secara tergesa-gesa dan jemaah surau atau masjid yang hadir pula akan tergesa-gesa untuk hadir ke majlis, bertahlil dan berzikir, menikmati jamuan dan kembali semula ke surau atau masjid untuk menuaikan solat Isyak. Oleh sebab itu, adalah menjadi resam suatu jemputan majlis pada waktu malam dibuat selepas selesai solat Isyak ditunaikan. Ini menggambarkan betapa masyarakat Melayu sangat mementingkan waktu solat sebagai indikator masa dan ini juga suatu bukti bahawa keselesaan tetamu sering diutamakan.

Dalam pemerhatian penyelidik, terdapat sesetengah tetamu jemputan yang datang lebih awal untuk majlis doa selamat yang diadakan pada malam sebelum majlis perkahwinan berlangsung. Malah dalam keadaan tertentu, selepas majlis kenduri doa selamat berakhir, masih ada tetamu yang baharu tiba. Mereka turut dilayan dengan mesra oleh ahli keluarga yang menganjurkan majlis tersebut. Penyelidik juga dapat melihat bahawa pihak tuan rumah turut menyimpan makanan bagi tetamu-tetamu yang mungkin tiba lewat. Dapatkan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai tahap toleransi yang tinggi terhadap orang lain dalam konteks masa atau kronemiks yang sedang dibincangkan di dalam bab ini. Penyelidik juga mendapati bahawa sekiranya solat Isyak bermula jam 8.25 malam, solat berjemaah di surau atau masjid akan berakhir sekitar 15 hingga 20 minit dan selepas itu barulah jemaah daripada surau yang dijemput hadir ke majlis yang diadakan. Ini bermakna, jika pada waktu lain, waktu Isyak masuk pada jam 8.35 malam, ketibaan para jemputan juga berbeza pada waktu lainnya. Dalam hal ini, jarak rumah dengan jarak surau di kampung berkenaan juga turut menentukan pada waktu bila majlis boleh dimulakan. Daripada kajian ini juga, dapat disimpulkan secara ringkas bahawa pernyataan seperti ‘selepas solat Isyak’, atau ‘selepas Asar’ dinyatakan kepada tetamu bagi menunjukkan bahawa waktu informal berkenaan digunakan dalam adat masyarakat Melayu.

Dalam majlis-majlis perkahwinan yang diadakan terutama sekali di kampung-kampung, tetamu dijemput untuk menghadiri majlis seawal jam 11.30 pagi, iaitu sebelum masuk waktu Zohor. Dalam pemerhatian yang penyelidik lakukan, penyelidik tidak pernah melihat mana-mana majlis kenduri perkahwinan bermula selepas waktu solat Zohor. Melalui perbualan temu bual dengan informan, pelbagai faktor diambil kira untuk menentukan permulaan dan penamatan majlis. Majlis yang bermula

awal akan membolehkan tetamu makan dan meraikan majlis secara lebih santai sebelum masuk waktu solat Zohor dan sebelum ketibaan tetamu-tetamu yang lain.

- R1(Kr3)1 “Haaaa memang biasanya kita terima tetamu sepanjang masa tu lah. Dega mai dan kita jemput dega makan semua, sembang-sebang sekejap. Cuma kadang-kadang ni, waktu solat tu saya gilir dengan isteri saya untuk sambut tetamu dan saya pi solat, lepas tu gantilah. Kena jaga solat jugak hehe. Kalau saya pi kenduri, biasanya kalau dekat memang pi awai sebab ada doa sebelum kenduri mula. Kalau jauh, tengok juga keadaan.”
- R2(Kr3)2 “Kita akan pastikan semua tetamu selesa. Tetamu ni orang sekampung, ada kawan-kawan yang kerja sama dulu, datang dari jauh, kita sambut. Sama juga kalau saya ke majlis kenduri kahwin ni. Kalau jauh, kadang-kadang lambat, tapi dalam pukul 2 tu dah sampai.”
- R3(Kr3)3 “Biasanya kita tengok masa, sebab tu kalau kat kampung mak cik tengok majlis dibuat mulai jam 11.30 pagi hingga petang sebab nak beri peluang kepada semua tetamu datang sebab ada yang datang tu dari jauh, sedara mara dan kawan-kawan.”
- R7(Kr3)7 “Perlu ambil kira soal masa ni sebab penting, kita ramai saudara mara ada yang duduk dekat, ada duduk jauh jadi kita kalau boleh nak la semua boleh datang jadi kita bagitau masa tu datang boleh sampai petang macam dalam kad, tapi biasanya yang datang lambat ni memang duduk jauh dan kadang-kadang saudara mara juga pun ada. Satu lagi yang penting tu, waktu sembahyang la, ada yang lepas sembahyang baru datang, lebih selesa. Saya pun macam tu jugak kadang-kadang tambah pula kalau majlis kenduri tu tak jauh sangat, jadi sembahyang dulu siap-siapi, senang”.
- R8(Kr3)8 “Pertimbangan tu memang ada, sebab tu tadi kita kata majlis mula pagi tu dan habis petang jadi siapa-siapa sahaja boleh datang. Waktu solat zohor tu kadang-kadang kurang sikit orang datang sebab ada yang solat dulu.”
- R9(Kr3)9 “Yang pentingnya kita ikut kad hehe...kalau pergi lambat sangat segan dah sebab orang pun dah balik, lauk pun dah habis hahaha.”
- R10(Kr3)10 “Saya rasa waktu yang panjang tu boleh je nak pergi pukul berapa pun sebab kadang-kadang kita ada dua tiga kenduri pada hari yang sama, jadi kena susun juga masa, yang penting pergi, sebab silaturahim tu kena jaga.”
- R15(Kr3)15 “Kita tengok jarak juga, waktu solat pun sama sebab ada tetamu yang datang lepas solat Zohor, ada juga datang awal jadi ikut kesesuaian.”

Faktor Masa lawan Kemanusiaan

Berdasarkan kepada perbualan dan pemerhatian tersebut, dapat dikatakan bahawa masyarakat Melayu lebih mementingkan aspek kemanusiaan berbanding masa (Asmah Omar, 2013). Malah, apa yang lebih menarik yang dapat dibuktikan adalah majlis-majlis yang berlangsung sepatutnya berakhir pada jam 4.00 petang seperti yang tertera dalam kad jemputan, tetapi realiti yang berlaku adalah berbeza. Hal ini kerana keluarga pengantin masih menerima dan mengalu-alukan kehadiran tetamu walaupun sudah melewati masa tersebut. Berdasarkan perbualan dengan pihak pengantin, kebanyakan yang hadir lewat

adalah rakan-rakan atau saudara mara yang datang jauh daripada negeri atau daerah lain. Walau bagaimanapun, bagi majlis-majlis yang berlangsung di hotel-hotel, yang kebiasaannya diadakan pada waktu malam dan berlangsung selepas waktu solat Maghrib dan berakhir selewat-lewatnya jam 11.00 malam adalah bergantung kepada atur cara yang telah dipersetujui oleh pihak penganjur dan pihak hotel.



Gambar 1. Jiran tetangga dilihat membantu urusan memasak di rumah keluarga pengantin lelaki (L2Kr_KHr)

Dalam kajian lapangan yang dijalankan ini, penyelidik memerhatikan bahawa para jiran tetangga di kampung-kampung datang awal ke rumah yang mengadakan majlis kenduri perkahwinan bagi membantu membuat persiapan yang diperlukan seperti menyediakan tempat memasak, menyusun meja dan kerusi dan pelbagai lagi seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 1. Kehadiran mereka pada awal pagi menunjukkan bahawa mereka memahami bahawa masa adalah penting bagi memastikan majlis dapat berjalan dengan lancar. Oleh sebab itu jugalah, hujung minggu adalah waktu yang sering menjadi pilihan kepada masyarakat Melayu untuk mengadakan majlis kenduri perkahwinan kerana mudah mendapat bantuan daripada warga kampung yang sentiasa bersedia membantu dari segi penyediaan makanan seperti dalam Gambar 2. Antara sebab untuk memaklumkan kepada jiran dan seluruh masyarakat di kampung tentang tarikh perkahwinan yang akan diadakan bagi memastikan tiada kenduri lain yang akan dilangsungkan pada waktu yang sama dan mereka dapat datang membantu urusan kenduri yang akan dilaksanakan.



Gambar 2. Seorang jiran yang membantu memasak juadah pada hari perkahwinan (L2Kr_KHr)

Berdasarkan temu bual dengan informan tentang penyediaan makanan dan persiapan lain, mereka rata-rata menyebut peluang untuk bergotong-royong menyediakan makanan kenduri dan lain-lain dapat merapatkan hubungan. Faktor masa bersama dan pulang ke kampung lebih awal adalah sesuatu yang amat diraikan dan dihargai.

- R1AP(Kr4)1 “Dulu zaman saya semua guna gotong royong atau bahasa kampung ‘rewang’ sebab kami membesar di kawasan kampung dan kenal hampir semua penduduk kampong. So, bila *time* kenduri, semua orang kampung akan *join* dan tolong daripada awal sampai habis. Dalam bahasa mudah, semua yang *join* ni dikira sebagai *volunteer* sebab tidak mendapat sebarang bayaran atau upah. Inilah semangat muafakat yang ada pada zaman dahulu. Kami datang awal sebab nak tolong semua tu.”
- R2AP(Kr4)2 “Ada keluarga yang ambil katerer. Biasanya katerer memang mempunyai kumpulan sendiri untuk menguruskan penyediaan makanan dan susun atur. Gotong-royong pula mempunyai seorang ketua untuk mengepalai urusan memasak hingga siap terhidang di meja tetamu yang hadir. Katerer akan tiba di rumah awal pagi untuk siapkan tempat berhidang.”
- R3AP(Kr4)3 “Biasanya kalau di kampung-kampung memang kami selalu gotong royong. Ada juga orang yang pakai katering ni untuk jimat tenaga keluarga yang lain dan orang yang ada banyak modal. Jadi mereka tak perlu nak risau pasal makanan. Cuma bagi modal dan settle pasal makanan.” Untuk yang datang gotong-royong ni kena datang awal dah dua tiga hari sebab nak tolong tuan rumah buat tempat sediakan bahan mentah dan lain-lain.
- R4AP(Kr4)4 “Majlis perkahwinan saudara mara saya semuanya menggunakan khidmat ‘orang lama’ dalam memasak juadah/lauk pauk untuk majlis perkahwinan. Mereka berpengalaman dalam memasak makanan dalam kuantiti yang banyak. Alatan memasak yang digunakan juga besar-besaran dan memerlukan tenaga yang banyak dalam mengendalikan mereka. Oleh itu, golongan lelakilah yang akan selalu menguruskan masakan di dapur. Golongan perempuan akan menguruskan perencah, pemotongan sayur, pemotongan ayam dan lain-lain perkara yang ringan. Jadi dari segi masa, memang kena datang awal dan balik lambat hehe”.
- R7AP(Kr4)7 “Aaa jika bagi mereka yang berada, mereka akan menggaji catering untuk menguruskan makanan untuk majlis perkahwinan. Bagi mereka yang kurang berada atau warga kampung, mereka lebih suka untuk memasak secara bergotong-royong. Pagi-pagi lagi ramai dah datang. Selalunya akan ada seorang ketua dalam menguruskan pembahagian tugas bagi mengopek bawang, menggaul nasi, lauk dan membuat air minuman. Oleh itu, tugas memasak ni akan menjadi lebih ringan dan siap lebih cepat. Selesai sahaja majlis, mereka yang bersama-sama memasak ni akan diberikan sedikit hadiah atau cenderahati seperti kain pelikat atau kain batik, tuala *good morning* dan sebagainya. Malahan mereka juga dibenarkan untuk membawa pulang lebihan makanan. Itulah seronoknya hidup di kampung.”

- R8AP(Kr4)8 “Kalau pengalaman saya, gotong-royong selalunya kami buatlah. Kami jemput saudara-mara daripada jauh datang. Kami sediakan penginapan semua, jadi berkumpul lah sanak saudara bergotong-royong memasak. Bila bersama-sama tu barulah dapat berjumpa yang dah lama tak jumpa. Dapat berborak-borak, berbual-bual untuk mengeratkan hubungan silaturahim. Ada juga kami buat sesi cabutan bertuah. Ada hadiah menarik. Siapa yang join gotong royong boleh tengok nombor kat *towel* yang kami bagi. Nanti ada cabutan bertuah untuk orang-orang terlibat gotong royong. Meraikan susah payah mereka, kami berilah sebagai tanda terima kasih. Di samping itu, kita ada memberi sedikit sumbangan. Walaupun keluarga keluarga tapi sebagai menghargai pertolongan mereka.”
- R10AP(Kr4)10 “Kita masak secara gotong-royong saja. Sebab kalau dalam persiapan nak adakan kenduri kahwin ni, saudara mara dari jauh dan dekat memang akan berkampung dekat rumah pengantin.”
- R11AP(Kr4)11 “Kenduri zaman saya dulu memang gotong royong atau orang panggil rewang lah. *Best* sebenarnya rewang ni sebab lagi lah mengeratkan silaturahim sesama jiran dekat kampung lepastu dengan adik beradik. Semua akan datang awal, balik kampung awal. Nak pulak suami saya tu orang kampung yang dekat dekat juga, ada juga *family* dia datang tolong masa nak buat kenduri tu. Macam orang-orang perempuan akan gotong-royong bersiang bawang lah halia lah semua tu, kalau lelaki-lelaki pulak rewang potong daging semua tu. Kira ada tempat khas untuk buat rewang ni semua. Lepastu, akan ada seorang ni dia jadi orang yang bertanggungjawab lah sepanjang memasak ni semua. Dia yang agihkan orang ni masak apa, orang tu masak apa. Apa-apa jadi orang akan rujuk dekat orang yang bertanggungjawab tu ja.”
- R12AP(Kr4)12 “Rewang ni seronok hehehe sebab dapat kumpul adik beradik, saudara mara. Boleh masak sama-sama dan kadang-kadang tidur berborak sampai lewat malam”.
- R15AP(Kr4)15 “Bagi penyediaan makanan, katerer mahupun gotong-royong masih relevan dalam kalangan masyarakat Melayu. Namun begitu, gotong-royong ataupun ‘rewang’ ini kebanyakannya dilakukan oleh masyarakat yang mendiami kawasan kampung atau pinggir bandar. Servis khidmat katerer sememangnya lebih selesa dan mudah. Akan tetapi, rewang mempunyai keseronokannya yang tersendiri. Semua berkumpul awal. Penyediaan makanan oleh saudara mara dan jiran tetangga yang kita kenali membuatkan majlis tersebut terasa lebih diberkati kerana sentiasa diiringi doa dan keberkatan dari orang yang kita kenali. Dari nasi minyak, nasi pengantin hingga ke hidangan pencuci mulut. Semuanya dibuat seikhlas hati dan kerjasama antara satu sama lain.”

Bagi majlis resepsi yang diadakan di hotel-hotel pula, aturan kerja telah diuruskan oleh pihak hotel dan perunding perkahwinan. Sebaik sahaja pihak keluarga memutuskan tarikh untuk mengadakan majlis, tempahan kepada pihak hotel perlu dibuat dengan segera. Pihak yang menganjurkan majlis perkahwinan tersebut berbincang tentang perjalanan majlis mengikut kesesuaian masa dan atur cara. Begitu juga dengan majlis yang dianjurkan di dewan-dewan milik sekolah atau majlis perbandaran. Tempahan awal adalah penting bagi memastikan tempat majlis dapat disahkan dengan segera. Peranan perancang perkahwinan menjadi suatu yang penting kerana mereka lah yang akan berbincang tentang atur cara majlis serta persiapan yang akan dilakukan.

Setelah tarikh diketahui, pihak pengantin pula akan mula memikirkan senarai jemputan. Fatimah Abdullah (2009) dan Strange (1981 & 1976), menjelaskan bahawa jemputan secara lisan kebiasaannya dilakukan di kampung-kampung dua minggu atau seminggu sebelum majlis kenduri perkahwinan dilangsungkan. Manakala kad jemputan dihantar secara pos kepada rakan dan saudara mara yang tinggal jauh. Oleh yang demikian, daripada kajian ini juga dapat disimpulkan bahawa majlis perkahwinan kebiasaannya dilangsungkan semasa cuti persekolahan bagi memberi peluang semua tetamu jemputan dan saudara mara dapat hadir ke majlis yang akan diadakan. Menurut salah seorang jurugambar yang ditemu bual, pada setiap hujung minggu beliau mendapat panggilan untuk mengambil gambar perkahwinan pasangan yang akan berkahwin. Kenduri yang diadakan pada musim cuti sekolah dapat mencetuskan suasana ‘balik kampung’ yang meriah khususnya majlis perkahwinan (Badaruddin Mohamed, 2005). Bagi pasangan yang akan berkahwin pula, mereka perlu menyeferakan urusan mendaftarkan tarikh perkahwinan mereka serta melakukan ujian HIV seperti yang dikehendaki dalam prosedur perkahwinan. Semua ini perlu diselesaikan sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum majlis akad nikah dilangsungkan.

Bagi kebanyakan majlis yang diadakan di kampung-kampung dan di kawasan bandar, penyelidik mendapati bahawa majlis perkahwinannya dapat dikategorikan dalam keadaan tidak formal. Hal ini demikian kerana tetamu jemputan datang dan pulang dalam tempoh waktu yang dinyatakan di dalam kad jemputan, contohnya antara jam 11.30 pagi hingga jam 4.00 petang. Ini bermakna dalam tempoh tersebut, tetamu boleh datang dan mereka bebas untuk berada di situ dan pulang apabila mereka sudah selesai beramah tamah dengan tetamu-tetamu lain. Namun keadaan ini berbeza dengan majlis yang diadakan di hotel-hotel, pengurusan masa adalah amat dipentingkan. Tetamu diminta untuk hadir seawal 7.00 malam dan tetamu diminta untuk berada di dalam dewan sebaik sahaja selesai menunaikan solat maghrib. Pada kira-kira jam 8.00 malam, majlis dimulakan dan kesemua tetamu jemputan sudah mengambil tempat yang disediakan khusus untuk mereka. Kebiasaannya, kepada golongan yang berada, majlis dibuat di hotel adalah bersesuaian dengan status mereka (Fatimah Abdullah, 2009).

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini juga dapat memperlihat bagaimana masyarakat Melayu mempersepsikan masa sesuai dengan kehendak majlis dan persekitaran kehidupan mereka. Sepanjang majlis perkahwinan berlangsung, pengurusan masa amatlah dititikberatkan oleh semua pihak bagi menjamin kelancaran majlis tersebut. Antara kosa kata atau leksis yang sering diujarkan oleh penutur dan pendengar yang terdiri daripada tuan rumah, pengantin, tetamu dan saudara mara misalnya, termasuklah leksis yang mendukung konsep masa dalam majlis perkahwinan, dapat disimpulkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Konsep Masa dalam Majlis Perkahwinan Masyarakat Melayu

Kesemua leksis yang mendukung konsep masa adalah suatu yang biasa didengar dan dilihat, namun kesemua leksis berkenaan mempunyai kepentingannya dari segi pengurusan masa, aturan majlis dan yang paling penting, bagaimana masa dijadikan panduan. Keterbukaan konsep masa yang ditunjukkan ini memperlihatkan cara masyarakat Melayu memberi ruang yang luas dan bertoleransi dalam menguruskan acara. Satu perkara yang jelas apabila berkaitan dengan pengurusan majlis perkahwinan, faktor keharmonian hubungan antara ahli dalam masyarakat menjadi elemen penting dan ini diperlihatkan atas dasar fleksibiliti pihak yang menguruskan perkahwinan untuk menerima tetamu walaupun mereka hadir lewat ke majlis yang diadakan. Selain itu, kesediaan untuk menyesuaikan perjalanan majlis turut mengambil kira keperluan pihak-pihak yang berurusan antara satu sama lain. Dalam hal ini, kita dapat melihat faktor humanistik menjadi hal yang sangat dipertimbangkan dalam menjaga keharmonian. Turut diperhatikan bahawa Islam, sebagai agama yang dianuti turut diangkat sebagai faktor penentu kepada perjalanan sesebuah majlis perkahwinan dengan mendahuluikan ibadah solat sebelum sesebuah acara dimulakan atau ditamatkan. Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa aspek kronemiks dalam majlis perkahwinan Melayu merupakan satu elemen yang sangat penting dan memiliki fleksibiliti yang tinggi dalam pengaturan sesebuah acara.

RUJUKAN

- Abdullah, R. B. (2015). Penyerapan Bahasa dalam Pertembungan Budaya: Kesalingan Pinjam Meminjam dalam kalangan Tiga Kelompok Masyarakat di Singapura: Language Absorption in Cultural Contact: Lending among Three Community Groups in Singapore. *PENDETA*, 6, 137–161. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1162>
- Abdul Muati Amad, Arbai'e Sujud, & Hamisah Zaharah Hasan. (2007). Proxemics and its relationship with Malay Architecture. *Human Communication. A Publication of the Pacific and Asian Communication Association*, 10(3), 275 – 288.
- Abdul Rahman Ahmad Hanafiah. (2003a). Komunikasi dalam tradisi Melayu. Dalam Mana Sikana (Pnyt.). *Teori pemikiran tamadun Melayu*. (ms. 265-290). Wilayah Selatan, Johor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Ahmad Hanafiah. (2003b). Komunikasi dalam perkahwinan Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 109-137. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aida Hafitah Mohd Tahir, & Maimunah Ismail. (2007). Cross-Cultural Challenges and Adjustments of Expatriates: A Case Study in Malaysia. *Turkish Journal of International Relations*, 6 (3 & 4), 72-99.
- Angrosino, M. (2007). Doing Ethnographic and Observational Research. Dalam Flick, U. *The Sage Qualitative Research Kit*. London: Sage Publications.
- Asma Abdullah. (1996, Februari 16). Delights, puzzles and irritations of Malaysian culture to foreigners. *New Straits Times*.
- Asmah Omar. (2013). *Malay Perception of Time*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badaruddin Mohamed. (2005). *The Analysis of Malaysian Domestic Travellers*. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference on Tourism Development. Grand Plaza Parkroyal Penang, 9-11 Jan 2005. 373-381.
- Bloomfield, H. H., & Felder, L. (1985). *The Achilles Syndrome: Transforming your weakness into strengths*. Canada: Random House of Canada
- Brophy, J. E. (1985). Teacher-student interaction. Dalam J. B. Dusek (Pnyt.). *Teacher Expectancies*. (ms. 303-328). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Burns, R. (2015). Rethinking big data in digital humanitarianism: Practices, epistemologies, and social relations. *GeoJournal*, 80(4), 477–490. Diperoleh daripada <http://www.jstor.org/stable/44076311>
- Corsaro, W. (1982). Something old and something new: the importance of prior ethnography in the collection and analysis of audiovisual data. *Sociological methods and research*. 11 (2), 145-146.
- Davies, C. A. (2008). *Reflexive ethnography: A guide to researching selves and others*. Oxon: Routledge.
- Diesing, P. (1971). *Patterns of Discovery in the Social Sciences*. Chicago: Aldine-Atherton, Inc.
- DuFon, M. A. (2002). Video Recording in Ethnographic SLA Research: Some issues of validity in data collection. *Language Learning & Technology*, 6(1), 40-59. Diperoleh daripada <http://llt.msu.edu/vol6num1/dufon/>
- Fatimah Abdullah. (2009). Dari halaman rumah ke Dewan Merak Kayangan: Upacara perkahwinan Melayu bandar. *Sari*, 27, 97- 107.
- Goldman-Segall, R. (1993). Interpreting video data: Introducing a significance a "significance measure" to layer descriptions. *Journal for Education Multimedia and Hypermedia*, 2(3), 163-182.
- Goldman-Segall, R. (1995). Configurational validity: A proposal in analysing ethnographic multimedia narratives. *Journal for Education Multimedia and Hypermedia*, 4(2/3), 261-282.
- Goldman-Segall, R. (1996). Looking through layers: Reflecting upon digital ethnography. *JCT: An Interdisciplinary Journal for Curriculum Studies*, 13(1), 23-29.
- Hall, E. T. (1990). *The Silent Language*. New York: Random House Inc.
- Hall, E. T. (1966). *The Hidden Dimension*. New York: Anchor Books.
- Hall, J. A., & Knapp, M. L. (1992). *Nonverbal communication in human interaction* (ed. ke-3). New York: Holt Rinehart and Winston, Inc.
- Hammersley, M., & Atkinson, P. (1989). *Ethnography: Principles in practice*. London: Routledge.
- Hess, U. (2016). Nonverbal communication. Dalam Howard S. Friedman (Pnyt.). *Encyclopedia of mental health* (ed. ke-2, ms. 208-218). Waltham, MA: Academic Press.
- Hickson, M. L., & Stacks, D.W. (1993). *Nonverbal communication: Studies and applications* (ed. ke-3). Madison, WI: Brown and Benchmark.
- Hitchcock, G., & Hughes, D. (1989). *Research and the teacher: A qualitative introduction to school-based research*. London: Routledge.
- Huang, Qing. (2021). *Emerging adults' sibling relationships and inter-sibling communication: General communication patterns and chronemic expectation violation in a text-based interaction*. (Tesis Master) The University of Texas at Austin.
- Hun, K. Y. (2015). Mengenal Budaya Sebagai Sarana Menjelajahi Dunia Global dalam Pengajaran Bahasa Melayu-Indonesia di Pusat Pengajian Tinggi Korea: Identifying Culture as a Medium of Exploring The Global World in Teaching Malay-Indonesian Language at The Korean Higher Education

- Center. PENDETA, 6, 162–180. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1163>
- Husna Faredza Mohamed Redzwan (2002). *Konsep Masa dalam Pemikiran Melayu Perak*. Kertas Kerja dibentangkan di The International Conference on Malay Language, Beijing China, 2002.
- Jayarathna, R.N.H.M.D. (2019). *Use of Chronemics: Ethical Considerations of the Process of Communication in the Family*. International Postgraduate Research Conference 2019, Faculty of Graduate Studies, University of Kelaniya, Sri Lanka.
- Kalman, Y. M., Ballard, D. I., & Aguilar, A. M. (2021). Chronemic urgency in everyday digital communication. *Time & Society*, 30(2), 153–175.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. Chicago, IL: University of Chicago Press.
- Lebedko, M. (2003). *Time Perception across Russian and American Cultures*. Far Eastern National University, Vladivostok, Russia. Diperoleh daripada: <http://jalt-publications.org/archive/proceedings/2001/012.pdf>
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic Inquiry*. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Lunenburg, F. C. (2010). Louder than words: The hidden power of nonverbal communication in the workplace. *International Journal of Scholarly Academic Intellectual Diversity*, 12(1), 1-5.
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative Research and Case Studies Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Mieder, W, Kingsbury S. A & Harder, K.B (1992). A Dictionary of American Proverbs. New York : Oxford University Press, 1992.
- Mohd Shukor, R., Mohd Rusli, N. F., & Nallaluthan, K. (2021). Eufemisme dan Disfemisme dalam Komunikasi Pelajar berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 1-10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.1.2021>
- Norhuda Salleh. (2017). *Ritual dan simbol dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu Sekinchan, Selangor*. (Tesis Doktor Falsafah). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metode*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI
- Parke, J. & Griffiths. (2008). Participant and non-participant observation in gambling environment. *Enquire*, 1(1), 1- 14.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative evaluation and research methods* (ed. ke-3). Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Paul ten Have (2004). *Understanding Qualitative Research and Ethnomethodology*. London: Sage Publications
- Peacock, J. L. (2001). *The anthropological lens: Harsh light, soft focus* (ed. ke-2). Cambridge: Cambridge University Press.
- Pink, S. (2004). *Doing visual ethnography: Images, media and representation in research*. London: SAGE.
- Potter, W. J. (2009). Analysis of thinking and research about qualitative methods. New York: Routledge.
- Richmond, V. P., & McCroskey, J. C. (2004). *Nonverbal Behavior in Interpersonal Relations* (ed. ke-5). Boston: Pearson Education, Inc
- Sevigny, M. (1981). Triangulated inquiry: A methodology for the analysis of classroom interaction. Dalam Green, J. & Wallets, C. *Ethnography and language in educational settings*. Norwood, N.J: Ablex.
- Strange, H. (1976). Continuity and change: Patterns of mate selection and marriage ritual in a Malay village. *Journal of Marriage and the Family*, 38, 561 - 571.
- Strange, H. (1981). *Rural Malay Women in Tradition and Transition*. New York: Praeger.
- Taylor, S. & Bogdan, R. (1984). *Introduction to qualitative research methods: The search for meanings*. New York: John Wiley & Sons.
- Uhrenfeldt, L., Paterson, B., & Hall, E. O. C. (2007). Using Videorecording to enhance the Development of Novice Researcher's Interviewing Skills. *International Journal of Qualitative Methods*, 6(1), 1-9.